



**ISMAIL menunjukkan benteng pemecah ombak yang dibina hampir setahun lalu.**

## Kini berasa lebih selamat

**Chukai:** “Kalau tidak kerana benteng pemecah ombak itu, sudah pasti rumah saya turut ditelan ombak besar,” kata penduduk Pantai Kuala Kemasik, Ismail Besar, 70, yang turut mengalami kesan kejadian fenomena air pasang besar, Isnin lalu.

Ismail berkata, keluarganya yang seramai 13 orang membabitkan anak, menantu dan cucu, bersyukur kerana terselamat dalam kejadian jam 10 hingga 11.30

malam itu.

Katanya, benteng pemecah ombak yang dibina oleh kerajaan hampir setahun lalu menyelamatkan rumahnya daripada ditelan ombak besar walaupun air laut turut memasuki rumahnya.

“Saya masih tinggal di sini kerana tiada tempat lain untuk berpindah manakala sebahagian penduduk lain sudah berpindah.

“Saya akan terus bertahan tinggal di sini kerana merasakan keadaan agak se-

lamat berbanding sebelum benteng pemecah ombak dibina,” katanya.

Menurutnya, dia berterima kasih kepada kerajaan negeri terutama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemasik, Rosli Othman, yang mengambil inisiatif meminta peruntukan untuk membina benteng pemecah ombak di situ.

Katanya, setiap kali fenomena air pasang besar berlaku sebelum ini, dia sekeluarga tidak lelap tidur tetapi dengan adanya benteng pemecah ombak membuatkan mereka berasa lebih selamat.

**FAKTA**  
Benteng pemecah ombak dibina setahun lalu